

Ekspo APK UMS terap nilai keusahawanan dengan Jualan Istimewa

UB 24.4.2014 B13

**K O T A
KINABALU:**
Aktiviti keusahawanan adalah penyumbang ekonomi dalam membangunkan komuniti sesebuah negara.

Menyedari hal ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) akan menganjurkan Ekspo APK ke-10 bermula Isnin ini.

Bertempat di perkarangan perpustakaan UMS, ekspo berkenaan akan dibuka pada jam 8 pagi hingga 5 petang sehingga 6 Mei 2014.

Dengan tema 'Live Simply, Dream Big', sebanyak 170 gerai akan dibuka dengan sesi 1 dan 2 masing-masing sebanyak 56 gerai, manakala sesi 3 dengan 58 gerai.

Antara yang diniagakan termasuklah makanan, minuman, permainan dan pelbagai barangan kreatif yang bakal menjadi tarikan utama pelanggan sepanjang



EKSPU APK KE-10

"LIVE SIMPLY, DREAM BIG"

TARIKH : 28 APRIL - 6 MEI 2014 (HARI BEKERJA SAHAJA)

MASA : 8 PAGI - 5 PETANG

TEMPAT : PERKARANGAN PERPUSTAKAAN UMS



TAJAANI

UOB Kay Hian
Your awarded trading partner



ekspo itu.

Ekspo yang dibuka hanya pada hari bekerja itu juga diadakan untuk memberi pendedahan kepada siswa siswi terhadap alam perniagaan selain sebagai satu usaha melentur ketrampilan seorang usahawan yang berjaya kelak.

Sehubungan itu, warga UMS dan orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Ekspo APK yang menjanjikan pelbagai jualan niaga yang istimewa.